



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **30 Nov2021 (Tuesday)**

Berita Harian

Malaysia, Singapura setuju perluas inisiatif VTL-Darat	1
Eksport Malaysia cecah RM1 trilion	2

Harian Metro

Bilangan kejadian di Selangor naik	3
Sultan Selangor kurnia darjah kebesaran kepada 116 individu	4
RM5j tambahan untuk SAS2022	5

Kosmo

MBSA tembak 1,453 gagak	6
-------------------------	---

Sinar Harian

1,519 kes keganasan rumah tangga tahun ini	7
Pengurusan Skim Smart Sewa Selangor terdapat kelemahan-LKAN	8
Sultan Selangor kurnia darjah pingat kepada 116 individu	9
Semangat membara JDT	10

Bernamea Radio 24

73,653 Remaja Belum Divaksin	11
Catat Prestasi Menggalakkan Dalam Pelaburan	12

The Star

87.8% of adult population have received Covid jabs	13
BOOK FESTIVAL	14
BULK WASTE DISPOSAL	15
Causeway finally reopens	16
Council matters	17
FREE COUNSELLING	18
RM174mil allocated for pipe replacement works	19
Flashing out flood forecasts	20
Warisan to expand to peninsula, looking for pact with Muda	21
MALAYSIA ART ECOSYSTEM FESTIVAL	22

The Sun

Weakness in Selangor Smart Rent Scheme	23
Selangor records RM4.64b investment value in Jan-June	24

The Malaysian Reserve

Malaysia's export value exceeds RM1t mark in 1st 10 month	25
---	----

Traxx FM (90.3)

Number Of Domestic Violence Increase	26
--------------------------------------	----

China Press

Unprofitable water drops to 28.2%. Izhah hopes to reduce it to 25% by 2025.	27
2019 General Auditing Report series 2 reveals weaknesses in the Smart Leasing Programme	28
Selangor Sultan conferred awards, honours and medals on 57 recipients in his 75th birthday celebration.	29
Teng Chang Khim: Klang organizes a video creation contest, we invites you to introduce	30



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



"House owners have waited for 20 years and haven't got the house". They hope that Selangor MB will step in and help them."31Beautiful Klang".

Sin Chew Daily

Selangor considers setting mid-to-long-term case, hoping to reduce NRW to 25% by 2025 32

Nanyang Siang Pau

Selangor's investment in the first half of the year exceeded RM4.6 billion, surpassing the performance of the same period last year 33

Makkal Osai

Domestic violence cases continue to rise in Selangor 34



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 November 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Malaysia, Singapura setuju perluas inisiatif VTL-Darat
Muka Surat	:	1

Malaysia, Singapura setuju perluas inisiatif VTL-Darat

Singapura: Malaysia dan Singapura semalam bersetuju memperluaskan inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL-Darat) dengan memasukkan semua kategori perjalanan memabihkan penduduk kedua-dua negara.

Bagaimanapun, kebenaran itu tertakluk kepada syarat keperluan kesihatan kedua-dua negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata beliau berbincang dengan rakan sejawatannya dari Singapura,

Lee Hsien Loong mengenai langkah tambahan yang akan dilakukan oleh kedua-dua negara berhubung perjalanan rentas sempadan antara Malaysia dan Singapura.

Ketika ini inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL-Darat) hanya membenarkan warga Malaysia, Singapura, dan pemastautin serta pemilik Pas Jangka Panjang Singapura dan Malaysia.



Ismail Sabri dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong merasmikan inisiatif Laluan Perjalanan Vaksinasi (VTL) melalui udara dan sempadan darat antara kedua-dua negara di Woodlands Checkpoint di Singapura, semalam. Turut sama Menteri Pengangkutan, Datuk Wee Ka Siong (kiri). (Foto BERNAMA)

Nasional 4

Rakyat dua negara manfaat pembukaan semula sempadan

Dari Muka 1

"Mereka (Singapura) juga bersetuju untuk memperluaskan VTL-Darat dengan memasukkan laluan perkhidmatan bas tambahan melalui Link Kedua, kereta api yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan secara berperingkat memabihkan kenderaan peribadi seperti motosikal dan kereta.

"Kami mengakui bahawa pembukaan semula sempadan adalah penting untuk mengaktifkan semula aktiviti sosial dan ekonomi rentas sempadan yang akan memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

"Kami berharap dengan berbuat demikian, ia akan memberi peluang kepada lebih ramai penduduk di kedua-dua belah tambak yang telah berjujukan dengan keluarga akibat pandemik COVID-19 dapat bersatu semula dengan orang tersayang," kata Perdana Menteri.

Ismail Sabri berada di sini dalam rangka lawatan rasmi sehari ke Singapura atas jemputan Lee.

Ini adalah lawatan rasmi pertama beliau ke republik Singapura sebagai Perdana Menteri dan lawatan kedua ke negara jiran sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kesembilan pada 21 Ogos lalu.

Kedua-dua pemimpin turut membincangkan pergerakan/perjalanan rentas sempadan melalui udara antara Singapura dan destinasi seperti Pulau Pinang, Langkawi, Kuching dan Kota Kinabalu di Malaysia.

"Kami berdua memutuskan agar pegawai dari kedua-dua negara harus mula merangka langkah-langkah bagi tujuan ini," katanya.

Pagi semalam, Ismail Sabri melakukan perjalanan bersejarah dengan melintasi Tambak Johor dan disambut oleh Perdana Menteri Singapura di Woodlands Checkpoint.

Beliau bersama Hsien Loong kemudian melancarkan Laluan Perjalanan Vaksinasi (VTL) melalui udara dan sempadan darat antara Malaysia dan Singapura di Woodlands Checkpoint.

"Ini dengan sendirinya sangat penting kerana pada masa sama, kami turut melancarkan VTL-Udara. Ia adalah sebahagian daripada pembukaan semula sempadan negara secara beransur-ansur untuk memudahkan perjalanan antara kedua-dua negara," kata beliau.

Pada sebelah tengah hari, Ismail Sabri dan Hsien Loong telah mengadakan pertemuan empat mata di Istana.

Perdana Menteri turut diberi penghormatan apabila satu spesis hibrid angerik baharu dinamakan sempena namanya, dan beliau kemudiannya membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Singapura Halimah Yacob.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah.

Berecap kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan, Ismail Sabri berkata dalam pertemuan empat mata bersama Hsien

Loong, pembukaan VTL-Laut yang menghubungkan Tanah Merah ke Desaru dan juga 'cruise' (kapal pesiaran) dari Singapura ke Pelabuhan Klang dan Langkawi turut dibincangkan.

"Kita percaya pembukaan lebih banyak akan memberi faedah kepada seluruh negara, bukan saja dari segi pelancongan yang terjejas teruk akibat penutupan sempadan malah kepada perdagangan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kategori pengguna bagi VTL-Darat mungkin akan diperluas selepas 23 Disember ini, namun ia bergantung kepada kesan pembukaan fasa pertama VTL, semalam.

"Jika kes tidak meningkat, lebih banyak ruang yang akan kita berikan untuk melonggarkan perjalanan rakyat kedua-dua negara," katanya.

Ditanya adakah skim VTL akan diperluas ke negara lain selain Singapura, Ismail Sabri berkata beliau berharap perbincangan dapat dilakukan dengan Thailand.

Beliau juga berharap untuk

mewujudkan lebih banyak laluan seperti 'green travel bubble' dengan Australia, New Zealand, Jepun, Korea Selatan dan sebahagian provinsi di China.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata kedua-dua mereka bersetuju mengenai keperluan untuk terus membincangkan mekanisme dua hala sedia ada antara mereka.

"Ini termasuk Pemukiman Pemimpin Tahunan ke-10, yang tidak dapat diadakan sejak dua tahun lalu akibat pandemik COVID-19. Insya-Allah, kami akan mengadakan Pemukiman Pemimpin pada suku pertama tahun depan dan berharap dapat kembali semula ke Singapura," kata beliau.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin turut menyetujui situasi di Myanmar.

"Kami bersetuju adalah penting bagi ASEAN untuk terus memainkan peranan yang positif dan membina dalam memudahkan penyelesaian kukuh dan aman demi kepentingan Myanmar serta Komuniti ASEAN," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 November 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Eksport Malaysia cecah RM1 trilion
Muka Surat	:	34

Bisnes

Eksport Malaysia cecah RM1 trilion



Selasa,
 30 November 2021
 bbbiz@nstp.com.my



* Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Nilai kukuh bagi 10 bulan 2021 sejajar pemulihan ekonomi global

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
 zaky@bh.com.my

Nilai eksport Malaysia melepasi paras RM1 trilion dalam tempoh 10 bulan kepada RM1.004 trilion, meningkat 25 peratus daripada RM803.3 bilion yang dicatatkan tempoh sama tahun lalu.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata angka eksport negara untuk tempoh dikaji juga melebihi jumlah keseluruhan eksport tahun lalu RM983.8 bilion.

"Eksport turut mengatasi nilai tahunan tertinggi setakat ini yang dicatatkan pada 2018. Import berkembang 21.8 peratus kepada RM801.17 bilion dan lebihan dagangan melonjak 39.2 peratus kepada RM202.58 bilion.

"Perdagangan, eksport, import dan lebihan dagangan mencatatkan nilai tertinggi bagi

tempoh ini," katanya.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2021, hampir semua barangan merekodkan pertumbuhan eksport dengan barangan perkilangan meningkat 25 peratus kepada RM866.48 bilion berbanding tempoh sama 2020, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E), keluaran petroleum, keluaran getah, barangan perkilangan logam serta kimia dan bahan kimia.

Eksport keluaran pertanian naik 33.5 peratus kepada RM77.04 bilion perikutan pertambahan eksport minyak sawit serta keluaran pertanian berasaskan minyak sawit dan getah asli.

Bagi eksport hasil galian pula, ia berkembang 15.3 peratus kepada RM56.43 bilion didorong oleh peningkatan eksport gas asli cecair (LNG), bijih logam dan serpihan logam serta petroleum mentah.

Menurut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), perdagangan Malaysia terus merekodkan prestasi memberangsangkan pada Oktober 2021 apabila sekali lagi mencatatkan rekod nilai bulanan tertinggi masing-masing bagi perdagangan, eksport, import

dan lebihan dagangan.

Perdagangan berkembang 26.5 peratus kepada RM202.61 bilion berbanding Oktober 2020, melepasi paras RM200 bilion buat kali pertama dan menjadi pertumbuhan dua angka yang kesembilan bulan berturut-turut sejak Februari 2021.

"Eksport naik 25.5 peratus kepada RM114.43 bilion, pertumbuhan tahun ke tahun ke-14 bulan berturut-turut sejak September 2020.

"Import meningkat 27.9 peratus kepada RM88.18 bilion dan lebihan dagangan berkembang 17.9 peratus kepada RM26.25 bilion.

"Pertumbuhan eksport disumbangkan terutama oleh kenaikan eksport keluaran petro-

leum, barangan perkilangan logam, barangan E&E, kimia dan bahan kimia serta minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit," katanya.

MITI menambah, eksport barangan perkilangan logam dan barangan E&E mencatatkan nilai bulanan tertinggi setakat ini.

"Sementara itu, eksport ke pasaran utama khususnya ASEAN, China, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun merekodkan pertumbuhan dua angka. Eksport ke ASEAN mencatatkan nilai bulanan tertinggi," katanya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, dalam kenyataan berasingan ber-

kata, pencapaian dicatatkan itu adalah tempoh terpanjang nilai eksport mencecah RM1 trilion pernah direkodkan.

"Nilai eksport yang kukuh bagi 10 bulan 2021 adalah sejajar dengan pemulihan ekonomi global. Pembukaan aktiviti ekonomi di lebih banyak negara menandakan permintaan luar yang lebih baik," katanya.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) pada suku keempat bakal mencatat pertumbuhan positif jika perkembangan positif dalam perdagangan berterusan.

"Seharusnya pencapaian itu boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan berikutan Malaysia adalah negara pedagang.

"Sudah tentu industri yang menyokong perdagangan antarabangsa seperti sektor logistik, kewangan dan insurans, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga akan mendapat manfaat secara langsung terhadap perkembangan positif perdagangan antarabangsa," katanya.

Eksport turut mengatasi nilai tahunan tertinggi setakat ini yang dicatatkan pada 2018. Import berkembang 21.8 peratus kepada RM801.17 bilion dan lebihan dagangan melonjak 39.2 peratus kepada RM202.58 bilion



Mohamed Azmin Ali,
 Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bilangan kejadian di Selangor naik
Muka Surat	:	10

1,519 KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DILAPOR

Bilangan kejadian di Selangor **naik**

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kes keganasan rumah tangga di Selangor meningkat tahun ini, dengan 1,519 kes direkodkan mulai Januari hingga Oktober lalu berbanding 1,349 kes pada 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan dan Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, pada 2018, sebanyak 951 kes direkodkan dan ia meningkat kepada 1,159 kes pada 2019.

"Berikutan peningkatan kes ini, kerajaan negeri mengambil inisiatif dengan menyediakan Talian SELamat sebagai talian khas untuk masyarakat membuat aduan mengenai keganasan rumah tangga yang berlaku khususnya di Selangor.

"Inisiatif ini sudah beroperasi sejak 1 November lalu dan sehingga 24 November, talian SELamat menerima 14 panggilan yang tujuh daripadanya adalah berkaitan keganasan rumah tangga membabitkan psikologi, fizikal dan ekonomi," katanya pada Sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan **Juwairiya Zulkifli (PH-Bukit Melawati)** berkenaan keganasan rumah tangga di Selangor.

Mengulas lanjut, Dr Siti Mariah berkata, semua kes yang diterima bukan keceemasan dan panggilan bertujuan mendapatkan khidmat kaunseling bagi membantu mereka daripada segi pengurusan emosi.

"Talian SELamat memberikan pilihan kepada pemanggil untuk mendapatkan sesi kaunseling atau intervensi selanjutnya di badan bukan kerajaan (NGO) serta kaunselor Talian Sahabat di bawah Pusat Kaunseling Pejabat Setiausaha

Kerajaan Negeri Selangor yang mempunyai kaunselor bertauliah secara bersemuka atau secara dalam talian," katanya.

Beliau berkata, talian SELamat beroperasi 24 jam menerusi talian 03-64195027 di bawah kendalian Wanita Berdaya Selangor (WBS).

Katanya, WBS akan turut berkongsi maklumat mengenai Talian SELamat di laman sosial WBS (Facebook dan Instagram), Pusat Wanita Berdaya (PWB) di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) serta di pejabat rakan usaha sama sebagai langkah menyebarkan kesedaran dan advokasi berkenaan KRT.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 November 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor kurnia darjah kebesaran kepada 116 individu
Muka Surat	:	23

Sultan Selangor kurnia darjah kebesaran kepada 116 individu

Klang: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan darjah dan bintang kebesaran kepada 116 penerima pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Sempena Ulang Tahun Keputeraan baginda ke-75 di Istana Alam Shah di sini, semalam.

Berangkat sama ke istiadat itu, Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor Tengku

Amir Shah.

Pada istiadat berkenaan, Editor Eksekutif Perkhidmatan Berita Pertubuhan Berita Nasional (Bernama) Harlina Samson dan Ketua Pemberita Kumpulan Media The Star Edward Rajendra J S Henry Kandiah antara 28 individu yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S).

Sultan Selangor turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (A.M.S) kepada 39

orang penerima dan Darjah Kebesaran Ahli-Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S) juga kepada 39 individu.

Seramai 10 lagi individu turut dikurniakan Bintang Perkhidmatan Cemerlang sempena ulang tahun keputeraan baginda.

Sabtu lalu, Sultan Sharafuddin berkenan mengurniakan darjah dan bintang kebesaran kepada 57 penerima dalam suasana ketertiban istiadat mengikut pematuhan prosedur operasi

standard (SOP) yang ditetapkan bagi pencegahan wabak Covid-19.

Pada 10 Disember tahun lalu, Sultan Sharafuddin menerusi kenyataan di Facebook rasmi Istana Selangor @Selangor Royal Office bertitah dan memutuskan tidak mengadakan sebarang istiadat sempena Hari Keputeraan baginda ke-75 tahun lalu dan bakal dilaksanakan bergantung kepada keadaan semasa Covid-19. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **30 November 2021**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	RM5j tambahan untuk SAS2022
Muka Surat	:	27

RM5j tambahan untuk SAS2022

Kuala Lumpur: Pameran Penerbangan Selangor 2022 (SAS2022) diadakan di Subang pada 8 hingga 10 September tahun depan berikutan kejayaan edisi pertama dan sejajar hasrat kerajaan negeri menjadikannya sebagai program utama industri aeroangkasa.

Exco Industri dan Perdagangan Selangor, Datuk Teng Chang Khim berkata, susulan pencapaian edisi SAS2021 pada 25 hingga 27 November yang membe-rangsangkan, acara pada tahun depan juga dijangka mempamerkan lebih banyak pesawat selain penyertaan lebih ramai pem-pamer.

“Acara Pameran Penerbangan Selangor pasti men-



Peruntukan ini membantu kita merancang acara SAS lebih besar dan hebat untuk anda semua”

Teng Chang Khim

jadi program utama dalam industri aeroangkasa negeri ini.

“Saya gembira mengu-mumkan bahawa semalam, ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2022 berjumlah RM2.34 bilion, Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari menambah pe-runtukan lebih besar RM5

juta bagi edisi SAS2022 ini.

“Peruntukan ini mem-bantu kita merancang acara SAS lebih besar dan hebat untuk anda semua,” katanya pada majlis penutup SAS2021 di sini, baru-baru ini.

Edisi tahun ini disertai enam negara termasuk Ma-laysia dan Teng menjang-kakan SAS2022 menarik penyertaan 10 negara seperti Sepanyol, United Kingdom, Jepun, Korea, China dan Rusia bagi membolehkannya setanding pameran antara-bangsa lain.

Katanya, Invest Selangor Bhd selaku penganjur, juga menganggap masih banyak peluang boleh diterokai dalam industri terbabit. -Ber-nama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 30 November 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MBSA tembak 1,453 gagak
Muka Surat	:	18

MBSA tembak 1,453 gagak

SHAH ALAM – Sebanyak 1,453 ekor gagak berjaya ditembak dalam Operasi Menembak Gagak (OMG) yang dilaksanakan di sekitar daerah ini.


Operasi bermula pukul 6.30 pagi sehingga 9 malam kelmarin melibatkan 10 orang penembak.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, operasi itu bagi mengurangkan populasi gagak

yang boleh menyebabkan ka-
cau ganggu awam.

“Tabiat burung gagak yang menyelongkar tong sampah serta kawasan pembuangan sampah untuk mencari makanan menyebabkan pencemaran serta menimbulkan rungutan kepada orang ramai.

“OMG merupakan inisiatif pihak MBSA untuk mengurangkan jumlah populasi burung gagak di kawasan pentadbiran kami,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.



PASUKAN OMG menembak gagak di kawasan seliaan MBSA di Shah Alam baru-baru ini.



KERATAN AKHBAR 30 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	1,519 kes keganasan rumah tangga tahun ini
Muka Surat	:	21

1,519 kes keganasan rumah tangga tahun ini

Selangor catat 4,978 kes dalam tempoh tiga tahun sejak 2018

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

Selangor mencatatkan sebanyak 4,978 kes keganasan rumah tangga dalam tempoh bermula tahun 2018 sehingga Oktober lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perincian kes mengikut tahun adalah 951 kes (2018), 1,159 kes (2019), 1,349 kes (2020) dan 1,519 kes dalam tempoh Januari sehingga Oktober 2021.

"Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kes ke-

ganasan rumah tangga dilaporkan di Selangor mulai 2018 sehingga Oktober 2021 mencatatkan jumlah keseluruhan sebanyak 4,978 kes," katanya ketika sesi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke-14 di sini pada Isnin.

Amirudin berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Juwairiya Zulkifli (PKR-Bukit Melawati)** mengenai jumlah kes keganasan rumah tangga yang dicatatkan di Selangor sejak tahun 2018 sehingga kini.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri mengambil inisiatif menyediakan Talian SELamat sebagai talian khas untuk masyarakat membuat aduan tentang keganasan



AMIRUDIN

SIDANG DUN SELANGOR

rumah tangga yang berlaku khususnya di Selangor.

Menurutnya, inisiatif itu adalah sebagaimana terkandung dalam Pakej Kita Selangor 2.0 dan mula beroperasi pada 1 November selama 24 jam

menerusi talian **03-64195027** di bawah kendalian Wanita Berdaya Selangor (WBS).

"WBS turut berkongsi maklumat dan informasi mengenai Talian SELamat di laman sosial WBS (Facebook dan Instagram), Pusat Wanita Berdaya (PWB) di 56 kawasan DUN serta di pejabat rakan usaha sama," katanya.



KERATAN AKHBAR 30 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pengurusan Skim Smart Sewa Selangor terdapat kelemahan-LKAN
Muka Surat	:	21

Pengurusan Skim Smart Sewa Selangor terdapat kelemahan - LKAN

SHAH ALAM - Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Selangor 2019 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada Isnin mendapati beberapa kelemahan dikenal pasti dalam aspek pengurusan Skim Smart Sewa di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, antara kelemahan tersebut seperti kontrak tidak ditandatangani, surat tawaran lewat dikeluarkan kepada penyewa, tiada surat pembaharuan sewaan antara Hartanah Selangor serta Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) dan penyewa serta pengurusan sewa yang kurang cekap.

“Secara keseluruhannya skim tersebut dapat membantu rakyat Selangor yang masih tidak memiliki kediaman dan gagal mendapatkan pinjaman perumahan supaya dapat menyewa kediaman yang disediakan oleh kerajaan negeri dengan kadar sewa yang berpatutan,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Namun katanya, pembelian unit kediaman skim itu tidak mencapai sasaran yang ditetapkan dan penilaian keberhasilan belum pernah disediakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor serta PHSSB bagi mengukur keberkesanan program tersebut.

Bagi pengurusan syarikat kerajaan negeri, Nik Azman berkata, objektif penubuhan Worldwide Holdings Bhd

(WHB) secara keseluruhannya telah tercapai dalam projek pembangunan kediaman untuk rakyat Selangor dan perkhidmatan pengurusan alam sekitar.

“Bagaimanapun, projek Amber dan Azalea yang dipilih sebagai sampel audit mengalami kelewatan penyiapan iaitu melebihi tempoh munasabah penyiapan projek mengikut standard Jabatan Kerja Raya,” katanya.

Menurut beliau, projek Amber hanya dapat disiapkan dalam masa 48 bulan manakala projek Azalea siap dalam masa 44 bulan dari tempoh yang ditetapkan dalam kontrak dan wujud kelemahan dalam pengurusan penjualan projek kediaman seperti pemberian diskaun yang tidak teratur dan kadar harga jualan rumah yang melebihi nilai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

“Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Secara Sanitari juga kurang cekap dalam menguruskan perjanjian pengoperasian iaitu kontrak pelupusan sisa pepejal lewat atau tidak ditandatangani dengan pihak berkuasa tempatan terlibat,” katanya.

Katanya, bagi aspek tadbir urus syarikat itu adalah baik namun perlu penambahbaikan dalam aspek pengerusi, lembaga pengarah, setiausaha syarikat, prosedur operasi standard, jawatankuasa audit, jawatankuasa pencalonan dan jawatankuasa imbuhan.

“Kewangan WHB masih kukuh dengan mencatatkan lebih keuntungan sebelum cukai,” katanya. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor kurnia darjah pingat kepada 116 individu
Muka Surat	:	22



Sultan Sharafuddin berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah kepada Edward Rajendra (dua dari kiri) di Balairung Seri Istana Alam Shah pada Isnin.

Sultan Selangor kurnia darjah, pingat kepada 116 individu

KLANG - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan mengurniakan darjah dan bintang kebesaran kepada 116 orang penerima pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Sempena Ulang Tahun Keputeraan baginda ke-75 di Istana Alam Shah di sini pada Isnin.

Berangkat sama ke istiadat itu, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Pada istiadat berkenaan, Editor Eksekutif Perkhidmatan Berita Pertubuhan Berita Nasional (*Bernama*), Harlina Samson dan Ketua Pemberita Kumpulan Media *The Star*, Edward Rajendra J S Henry Kandiah merupakan antara 28 individu yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS).

Sultan Selangor turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS) kepada 39 orang penerima. - *Bernama*



KERATAN AKHBAR		
30 November 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Semangat membara JDT
Muka Surat	:	38

Semangat membara JDT

Oleh MUHAMMAD ZULKARNAIN
 MOHD AZMAN

Penyandang juara, Johor Darul Ta'zim (JDT) sedia melakukan apa saja dalam misi menjuang Piala Malaysia apabila membuat perhitungan akhir menentang Kuala Lumpur (KL) City FC di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada Selasa.

Pengendali JDT, Benjamin Mora berkata, beliau akan mengekalkan identiti Harimau Selatan yang sentiasa dahagakan kejayaan dan bermain dengan taktik agresif dalam pertembungan itu nanti.

"Sudah tentu anda boleh menjangkakan JDT, kami tidak akan berdiam diri untuk menunggu spekulasi dan melihat apa akan berlaku dalam perlawanan ini.

"Kami akan melakukannya, kami akan 'telan' pasukan lawan dan kami akan menjaringkan gol. Itu saja caranya untuk menang dalam final, dengan menjaringkan gol. Kami mara ke final untuk menang.

"Sangat penting (mempertahankan kejuaraan) bagi mengekalkan mentaliti kemenangan dan produktiviti pasukan. Ia akan meninggalkan legasi yang baik mengenai kemenangan dan kemenangan," katanya dalam sidang media di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada Isnin.

Pada masa sama, Mora memberitahu, tidak timbul isu untuk membandingkannya dengan pengendali KL City, Bojan Hodak yang sebelum ini pernah menjadi



FOTO: BERNAMA

Mora (dua dari kanan) mengendali sesi latihan JDT di Stadium Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ), Kelana Jaya pada Isnin.

jurulatih JDT.

"Jujurnya saya tidak rasa apa-apa. Dia (Bojan) pernah berada di JDT dan menjadi watak penting ketika itu tetapi sebagai jurulatih, kami hanya membantu untuk melaksanakan permainan bola sepak yang terbaik dan memotivasikan mereka.

"Bojan hanyalah seorang lagi jurulatih dan dia tahu bagaimana untuk mengendalikan pasukan. Kalau kami menewaskan mereka, kami menewaskan KL City FC dan tiada isu peribadi," ujarnya.

Malah, Mora mengakui kemenangan pada perlawanan akhir menentang KL

City nanti amat penting buat Harimau Selatan yang sudah mula menjadikan kejayaan merangkul kejuaraan sebagai budaya.

"Motivasi sudah ada, ia bermula dengan saat yang baik, kemudian menjadi tabiat dan tradisi. Sekarang ia sudah menjadi budaya dan JDT mesti menang dalam apa saja yang dipertandingkan.

"Di JDT, kami perlu menang setiap pertandingan dan ini adalah tekanan yang begitu memuncak. Tetapi kami perlu mengharungi tekanan ini dan memenuhi apa yang dimahukan pihak pengurusan," jelas pengendali kelahiran Mexico itu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 November 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	73,653 Remaja Belum Divaksin
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
29 November 2021

Akhbar	:	Bernama Radio 24
Tajuk Berita	:	Catat Prestasi Menggalakkan Dalam Pelaburan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 November 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	87.8% of adult population have received Covid jobs
Muka Surat	:	2

87.8% of adult population have received Covid jobs

SOME 87.8% of the adult population in Selangor have had at least their first dose of the Covid-19 vaccine.

State public health, welfare, women empowerment and family committee chairman Dr Siti Mariah Mahmud said this meant that about 275,237 of those aged above 18 had yet to be vaccinated.

"A small percentage of those yet to be vaccinated are those who are

unable to get the vaccine or will have contraindications to the vaccine, while the rest have rejected the vaccine.

"The health districts' public outreach teams are reaching out to those who are unable to get to PPVs," she said.

Siti Mariah added that some 73,653 of 569,100 children aged 12 to 17 had yet to receive their first dose and efforts to get them vacci-

nated were being carried out by the state education department, district education office as well as non-governmental organisations.

Siti Mariah was responding to Elizabeth Wong (PH-Bukit Lanjan), who asked for an update on Selangor residents who had yet to be vaccinated.

She also said that only 132 civil servants out of 22,314 (based on

Human Resource Management Information System 2.0) had refused or were yet to receive their vaccinations.

"The Public Service Department had issued a circular requiring all public servants to be vaccinated

"Those who still remain unvaccinated from Nov 1, without being exempted for health issues, can be subject to disciplinary action," Siti Mariah added.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	BOOK FESTIVAL
Muka Surat	:	2

BOOK FESTIVAL

Selangor Public Libraries

Corporation is organising a book festival from Dec 2 to 12 at Shah Alam Convention Centre, between 10am and 9pm. For details, visit www.ppas.gov.my or call 03-5519 7667.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	BULK WASTE DISPOSAL
Muka Surat	:	2

BULK WASTE DISPOSAL

Download the iClean Selangor app to apply for free bulk waste disposal services or submit complaints. An initiative of Selangor government, the app is available on Android and Apple app stores.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 November 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Causeway finally reopens
Muka Surat	:	2



It feels so good: After almost two years apart, Abdul Jalil Mohd Tahir, 58 (centre) is finally reunited with his wife Khadijah Ahmad, 54 (second from right) and son Mikail Abdul Jalil, 22 (second from left). Both mother and son arrived from Singapore via the Vaccinated Travel Lane by air (VTL-Air). With them are their children Misa (left) and Abdul Matin (right) — AZHAR MAHFUZI/The Star

Home at last

It is an emotional trip for many as they reunite with their families after a long separation, returning home on the opening day of the Vaccinated Travel Lane that enables quarantine-free travel between Malaysia and Singapore for fully-vaccinated individuals. The Health Ministry will increase genomic surveillance at the country's international gateways as a further safeguard. > See reports by MOHD FARHAAN SHAH, RAHIMY RAHIM and TANUSHA RAJ on pages 2, 3 and 4

Causeway finally reopens

Land crossings allowed again after 20-month closure

SINGAPORE: The Johor Singapore Causeway, one of the busiest border crossings in the world, has officially reopened with the launch of the land Vaccinated Travel Lane (VTL-Land).

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yusoff and his Singaporean counterpart Lee Hsien Loong were at the Woodlands checkpoint to jointly launch the scheme yesterday, reports Bernama.

The 97-year-old Causeway, also known as Esplanade Johor, was closed to the usual 400,000-600 daily travellers since mid-March 2020 to curb the spread of Covid-19.

Ismail Sabri crossed the 1km bridge to enter the Singaporean side where he and his delegation were welcomed by Lee, who was accompanied by four cabinet ministers.

Accompanying Ismail Sabri were Senior Minister and International Trade and Industry Minister Datuk Seri Azmin Ali, Foreign Minister Datuk Saifuddin Abdullah, Transport Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong and Johor Menteri Besar Datuk Hassim Mohamad.

With Lee were Senior Minister and Coordinating Minister for National Security Teo Chee Huan, Foreign Minister Dr. Vietan Baharudin, Trade and Industry



Cross Border

Travel arrangement: Ismail Sabri (second from left) and Lee (left) officially launching the VTL-Land at the Woodlands checkpoint. Looking on is Dr Wee (left) — Bernama

Minister Gan Kim Yong and Transport Minister and Minister for Trade Relations & Investment.

In announcing the VTL-Land scheme on Nov 24, Malaysia said the initial stage would be limited to bus transportation with a daily quota not exceeding 1,500 travellers.

Other modes of land transportation will be included in stages with the daily quota of travellers to be increased on a weekly basis.

The initiative is to facilitate quarantine-free, seamless cross-border

movement integrating health protocols, security and immigration clearance.

The Singapore-bound designated VTL-Land bus services will use Larkin Sentral Bus Terminal as the boarding and disembarkation point in Malaysia, with Queen Street Terminal as the boarding and disembarkation point in Singapore.

Travellers allowed to take part in this scheme are Malaysian and Singaporean citizens and permanent residents as well as holders of

Malaysia and Singapore Long-Term Pass.

The launch of the VTL-Land coincided with the VTL-Air between Changi Airport and Kuala Lumpur International Airport as announced on Nov 8.

Malaysia and Singapore have achieved more than 95% vaccination rate of the adult population. This has offered opportunities for both countries to reopen the land border in a gradual, safe, systematic and sustainable manner.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

30 November 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Council matters
Muka Surat	:	2

COUNCIL MATTERS

> Petaling Jaya City Council's PJ Eco Recycling Plaza in SS8 accepts recyclable and reusable items such as electrical and electronic goods, sporting goods, paper, plastic, aluminium, styrofoam and clothing. It is open Tuesdays to Fridays, from 8am to 5pm and weekends, from 9am to 1pm. It is closed on Mondays. For details, call 03-7865 8042/ 8043 / 8049.

> Business premises under Selayang Municipal Council can start updating their information at <http://lesendigital.mps.gov.my> while payment can be made at <https://mymps.mps.gov.my/>. All fees must be settled by Dec 31 to avoid a late payment charge of 10%.

> Shah Alam City Council is offering a RM10 discount on compounds for parking offences throughout December. It is also offering discount of up to 70% on other offences. For parking compounds, pay via JomPay by keying in the biller code 6726. The public can also pay via SnapNPay, Maybank2U and Bank Muamalat counters. For details, call 03-5522 2882 or 03-5510 5133 ext 1757, 1658, 1540 or 1521 (Finance Dept), or visit eps.mbsa.gov.my

> Businesses in Shah Alam can renew their licence online at eps.mbsa.gov.my and call 03-5510 5133 ext 1246, 1549, 1698, 1702 or 1763 (Licensing Dept) or email lesen@mbsa.gov.my for details.

> Seremban City Council will activate mobile counters at Surau Al-Fateh in Taman Nusa Intan today (9am-noon) for the public to settle their assessment fees. For details, visit www.mbs.gov.my



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
30 November 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	FREE COUNSELLING
Muka Surat	:	2

FREE COUNSELLING

Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran's office is partnering with Partners in Counselling to offer free mental health therapy and counselling sessions to residents. Bukit Gasing residents who have experienced financial distress during the pandemic, domestic violence and who are struggling can apply for either online or physical sessions at tinyurl.com/BGTherap



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
30 November 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	RM174mil allocated for pipe replacement works
Muka Surat	:	2



Selangor

State govt targets reduction in non-revenue water by at least 1% every year >2



SHALINI RAVINDRAN and JADE CHAN at SELANGOR STATE ASSEMBLY

RM174mil allocated for pipe replacement works

SELANGOR government has allocated RM174mil for next year as part of the state's pipe replacement programme, which aims to improve the quality of water supply services in the state.

Selangor infrastructure and public amenities, agriculture modernisation and agro-based industry committee chairman Izham Hashim said that the cost would comprise the design, site management and construction for the pipe replacement works.

"Between 2017 and 2019, the state allocated RM248.7mil to Air Selangor to carry out the works.

Allotment comprises design, site management and construction costs, says exco member

"As of October, the non-revenue water (NRW) recorded for Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya was 28.5% and we expect to have this figure down to 28% by the end of this year.

